

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC YANG KE-51

TEMPAT: DEWAN MERDEKA, PWTC, KUALA LUMPUR

TARIKH: 02 AUG 1997

MASA:

1. Saya ucapkan terima kasih kepada Presiden MIC Dato' Seri S. Samy Vellu dan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Parti kerana menjemput saya untuk merasmikan Perhimpunan Agung Parti MIC yang ke-51 pada hari ini.

2. Saya ucapkan tahniah kepada Dato' Seri Samy Vellu dan Dato' S. Subramaniam kerana dipilih tanpa bertanding untuk terus memimpin MIC sebagai Presiden dan Timbalan Presiden. Inilah satu lagi keunikan yang terdapat dalam parti komponen Barisan Nasional. Demi kestabilan parti ahli-ahli lebih suka supaya jawatan tertinggi dalam parti tidak menjadi rebutan. Ahli-ahli parti kini sedar bahawa keghairahan merebut jawatan boleh menyebabkan perpecahan dalam parti. Jika ini berlaku parti akan menjadi lemah dan tidak dapat memperjuangkan kepentingan ahli dan parti dengan berkesan. Kini ahli-ahli sudah lebih matang dan bijak. Mereka sedar bahawa jika pemimpin itu masih berupaya, berkebolehan dan boleh terus memberi sumbangan yang berkesan kepada parti, bangsa dan negara, tidak ada sebab pemimpin itu perlu ditukar ganti hanya kerana kita boleh tukar.

3. Banyak pihak terutama orang asing yang tidak faham mengenai keunikan amalan ini. Mereka mendakwa kononnya demokrasi tidak wujud melainkan pemimpin-pemimpin ditukar setiap kali pemilihan diadakan. Sebenarnya pertukaran yang kerap hanya melemahkan parti atau negara. Ini adalah kerana masa diperlukan untuk mendapat sesuatu hasil dari pertukaran. Namun belum tentu pemimpin yang baru akan membawa kejayaan. Jika setelah diberi masa pemimpin yang baru gagal membawa kejayaan maka sia-sia sahajalah pertukaran yang telah dilakukan.

4. Walaupun begitu pertukaran patut diadakan jika pemimpin yang ada jelas tidak baik atau tidak dapat mendatangkan apa-apa kejayaan.

5. Di negara kita ahli-ahli parti komponen BN bebas menyuarakan pandangan mereka mengenai sesuatu isu. Tetapi kita mempunyai cara tersendiri menyuarakan pandangan kita jika dirasakan sesuatu isu itu mungkin boleh menyinggung perasaan kaum atau agama lain. Kita

tidak mengenyepikan sesuatu isu itu begitu sahaja jika ianya penting demi kebaikan negara dan rakyat. Para pemimpin BN akan membincangkannya sesama mereka tetapi tidaklah secara terbuka. Cara tersendiri yang unik inilah yang telah membolehkan BN menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi oleh negara. Sebaliknya jika masalah kaum terutamanya di bahas secara terbuka pihak ekstrimis akan memainkan isu ini untuk membakar perasaan dan berlagak sebagai pejuang kaum. Ini akan menyebabkan pemimpin menjadi kaku kerana takut kepada reaksi dan hilang populariti. Dengan ini masalah sukar diselesai.

6. Rakyat Malaysia mesti bersedia untuk memasuki abad yang akan datang. Kita hanya mempunyai kurang dari tiga tahun lagi untuk melangkah ke abad yang ke-21 yang pasti penuh dengan cabaran-cabaran yang lebih hebat.

7. Setakat ini Malaysia adalah sebuah negara yang berjaya daripada segi ekonomi dan politik. Negara telah berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang tinggi, iaitu lebih lapan peratus setahun bagi sembilan tahun berturut-turut. Pendapatan kita adalah antara yang tertinggi di kalangan negara-negara membangun. Kita menikmati taraf hidup yang tinggi dan mempunyai kemudahan-kemudahan kesihatan dan pendidikan yang baik. Ekonomi negara begitu baik sehinggakan tidak ada pengangguran di kalangan rakyat. Malaysia juga dianggap sebagai model ekonomi bagi negara-negara membangun.

8. Daripada segi politik negara kita adalah stabil walaupun penduduknya terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan agama. Kita telah berjaya menyelesaikan masalah politik kita secara aman. Kita tidak menggunakan kekerasan untuk menyelesaikan masalah kita. Setiap masalah kita selesaikan melalui meja rundingan.

9. Kita sedar bahawa semua kaum mempunyai pendapat bahawa nasib mereka kurang baik dan masalah mereka tidak diberi perhatian oleh Kerajaan. Kaum keturunan India juga berpendapat bahawa mereka tidak menikmati banyak kemajuan yang dicapai oleh negara.

10. Pendapat ini, seperti juga pendapat di kalangan kaum-kaum lain termasuk kaum Bumiputera, adalah disebabkan masing-masing tidak memandang keadaan mereka secara menyeluruh. Sebaliknya mereka tumpukan kepada kes-kes tertentu yang ternampak mereka tidak mendapat kemajuan. Demikian bagi kaum keturunan India keadaan dalam beberapa estet memang tidak memuaskan. Tetapi banyak juga kemajuan yang telah berlaku dalam estet, seperti perumahan yang lebih baik dan sekolah-sekolah yang telah dipulih atau dibina semula. Pendapatan pekerja estet juga telah meningkat. Di samping itu ramai yang tidak lagi bekerja di estet tetapi sebaliknya bekerja di kilang atau tempat-tempat lain di

mana pendapatan bertambah dan iklim bekerja lebih baik.

11. Kita juga tidak boleh lupa bahawa ramai daripada ahli-ahli profesional, terutama doktor dan peguam terdiri daripada mereka yang berketurunan India. Peratusan mereka jauh lebih tinggi daripada peratusan orang keturunan India di Malaysia. Demikian juga dengan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja. Walaupun ramai pekerja terdiri daripada bukan keturunan India, pemimpin kerap kali terdiri daripada keturunan India.

12. Tidaklah benar dakwaan bahawa keturunan India diabaikan dalam pembangunan negara kita. Dalam bidang politik juga suara kaum keturunan India begitu lantang, baik di sebelah Kerajaan mahupun di sebelah parti lawan.

13. Terdapat ramai juga peniaga dan pengusaha jutawan keturunan India di Malaysia. Bagi suatu kaum yang kecil jumlahnya, bilangan dan peranan orang keturunan India dalam bidang perusahaan dan perniagaan amatlah besar. Mungkin kerana mereka ini kurang aktif dalam politik maka mereka tidak diambilkira sebagai kaum India. Tetapi sebenarnya ramai daripada mereka ini giat membantu kaum India dengan sumbangan wang dan lain-lain.

14. Semua kaum di Malaysia mempunyai masalah dan tidak puas hati. Saya telah berkali-kali berkata bahawa di Malaysia yang berbilang kaum ini, keadaan yang terbaik ialah semua kaum tidak puas hati, tidak gembira. Jika mana-mana kaum berasa puas hati dan gembira maka ini adalah satu petanda bahawa layanan berat sebelah dan tidak adil sedang berlaku. Mereka hanya akan gembira jika layanan terhadap mereka lebih daripada layanan terhadap orang lain. Dengan itu orang lain berasa kecewa dan tidak puas hati.

15. Kita tidak mungkin memberi layanan sepenuhnya kepada semua kaum, kerana tuntutan masing-masing kaum bertentangan dan boleh merugikan kaum lain. Tetapi kita boleh dan mudah melayan separuh sahaja daripada tuntutan setiap kaum kerana ingin melayan juga kaum lain. Dengan ini tentulah perasaan tidak puas hati didapati di kalangan semua kaum. Perasaan tidak puas hati ini menjadi bukti yang kita adil kepada semua. Inilah keadaan yang terbaik bagi negara berbilang kaum -- iaitu tidak ada satu kaum yang terlalu puas hati. Saya sendiri dikecam oleh orang Melayu kerana dikatakan tidak memberi layanan kepada orang Melayu. Hakikatnya ialah saya tidak mampu melayan semua tuntutan orang Melayu atau bukan Melayu. Presiden MIC tidak berhenti-henti meminta itu dan ini untuk kaum India. Beliau berjumpa saya selepas tiap mesyuarat Kabinet. Ada sahaja masalah yang memerlukan penyelesaian daripada saya. Malangnya banyak daripada masalah-masalah ini tidak mampu saya selesaikan. Dengan itu timbullah

perasaan di kalangan kaum keturunan India bahawa layanan tidak diberi kepada kaum mereka.

16. Peluang untuk kaum keturunan India terbuka luas seperti juga kepada kaum-kaum lain. Jika mereka berusaha lebih sedikit, ramai lagi daripada mereka akan memperolehi kejayaan. Kerajaan dan saya sendiri sedia memberi pertolongan jika ia boleh dibantu. Tetapi tentu ada perkara yang tidak boleh dibuat apa-apa dan dengan itu tentu kekecewaan akan terus berlaku.

17. Malaysia hari ini tidak lagi seperti Malaysia semasa kita mencapai kemerdekaan pada dekad lima dan enam puluhan. Kita telah maju jauh ke hadapan. Dengan itu cara hidup lama mestilah ditukar dan diganti dengan cara hidup baru. Kita perlu perbaiki keadaan hidup kita dengan menekankan kebersihan dan cara hidup dan berniaga yang lebih teratur dan tersusun.

18. Dalam melakukan perubahan-perubahan ini, Kerajaan semata-mata tidak akan berjaya. Rakyat sendiri perlu sanggup menukar cara-cara mereka bekerja dan kehidupan seharian mereka. Dengan perkataan lain budaya kita mestilah disesuaikan dengan kemajuan negara kita. MIC sebagai parti yang disertai oleh ramai rakyat keturunan India boleh memainkan peranan yang besar dalam memperkenalkan cara hidup baru ini. Saya yakin dengan pertukaran budaya, kaum keturunan India akan dapat mengurangkan sedikit perbezaan antara kaum-kaum di Malaysia dan sekaligus memajukan kaum sendiri.

19. Dengan harapan ahli-ahli MIC akan terus menyumbang ke arah pembangunan kaum keturunan India dan mengukuhkan lagi Barisan Nasional, saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung MIC yang ke-51.